

UEM Edgenta Raih Peningkatan Untung Bersih Kepada RM43.8 Juta Pada Tahun Kewangan 2021, Isytihar Dividen 3.00 Sen

Rumusan Keputusan Kewangan Tahun Kewangan 2021

- **Pendapatan** sebanyak RM2.3 bilion
- **Keuntungan bersih** sebanyak RM43.8 juta
- Meneruskan pembayaran **dividen** interim peringkat pertama sebanyak 3.00 sen sesaham
- Aliran **tunai** kukuh sebanyak RM167.8 juta
- **Jumlah kontrak** pada tahun kewangan 2021 berjumlah RM1.0 bilion (anggaran ~70% daripada sokongan penjagaan kesihatan, ~55% daripada perniagaan antarabangsa)

KUALA LUMPUR, 24 Februari - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka di rantau ini, mencatat lonjakan keuntungan bersih kepada RM43.8 juta pada tahun kewangan yang dilaporkan berakhir 31 Disember 2021 (“TK2021”), berbanding RM14.4 juta pada tahun sebelumnya (“TK2020”), sekali gus membolehkan syarikat meneruskan pembayaran dividen interim peringkat pertama sebanyak 3.00 sen sesaham biasa pada TK2021.

Syarikat turut mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 13.0% kepada RM2.3 bilion pada TK2021 berbanding RM2.0 bilion pada tahun sebelumnya. Keuntungan bersih yang dinormalisasi pada TK2021 dicatatkan meningkat kepada RM57.7 juta berbanding RM45.2 juta pada TK2020.

Bagi suku keempat TK2021, Syarikat mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM20.7 juta dengan pendapatan sebanyak RM699.2 juta, berbanding keuntungan bersih sebanyak RM8.7 juta dan pendapatan sebanyak RM571.9 juta pada suku ketiga TK2021.

Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, “Strategi *Edgenta of the Future 2025* (“EoTF 2025”) telah mengukuhkan kedudukan kami pada tahun 2021 dengan menyusun semula keutamaan kami yang akan terus membantu membina masa hadapan yang mampan untuk Syarikat. Tumpuan kami yang berterusan dalam memperluaskan jejak pasaran global, pendekatan berdisiplin dalam memacu kecekapan kos dan mempelbagaikan aliran pendapatan baharu telah membolehkan kami menutup tirai tahun 2021 dan memulakan tahun 2022 dengan asas yang kukuh di seluruh operasi kami.”

“Kami berbesar hati dapat meneruskan pembayaran dividen tahun ini, yang juga mencerminkan komitmen kami untuk menegakkan dasar dividen Syarikat. Selaras dengan dasar nisbah pembayaran dividen antara 50% dan 80% daripada keuntungan selepas cukai dan kepentingan bukan kawalan (“PATANCI”), ahli – ahli Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim untuk tahun ini bagi menghargai sokongan berterusan dan kepercayaan daripada para pemegang saham kami. Kami akan meneruskan komitmen kami untuk memberikan pulangan yang mampan,” tambah beliau.

Pada tahun 2021, UEM Edgenta memperoleh kontrak baharu merentasi pelbagai rangkaian geografi, perniagaan dan sektor baharu, berjumlah RM1.0 bilion, meskipun berdepan persekitaran operasi yang mencabar, dengan kira-kira ~70% daripada perniagaan sokongan penjagaan kesihatan dan ~55% daripada perniagaan antarabangsa. Antara kemenangan kontrak baharu ialah kontrak perkhidmatan pengurusan kemudahan bersepadu untuk Emirates Golf Club dan Jumeirah Golf Estates di Dubai; kontrak perkhidmatan untuk Taiwan Semiconductor Manufacturing Company di Taiwan, serta beberapa hospital di Singapura dan Taiwan.

Dalam usaha untuk menerajui bidang inovasi dan teknologi, Syarikat telah memperkenalkan beberapa penyelesaian dan perkhidmatan berdaya teknologi sepanjang tahun untuk menyokong pelanggannya, khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (“KKM”). Ini termasuk penggunaan QuickMed dan peranti pengesanan digital RFID sebagai sebahagian daripada Sistem Pengurusan Kuarantin Rumah (“HQMS”), untuk membantu usaha pemulihan negara dalam membendung penularan varian baharu COVID-19.

“Kami yakin produk dan penyelesaian digital kami telah menyumbang kepada pengurusan pandemik yang selamat dan cekap yang membawa kepada pembukaan pelbagai sektor ekonomi sehingga membolehkan perniagaan kami berkembang sepanjang tahun lepas. Kami akan terus meneroka usaha untuk memacu inovasi dan menyokong Kerajaan dalam usaha memerangi pandemik ini, serta menyumbang kepada pembukaan ekonomi dan sempadan antarabangsa,” kata Syahrudin.

Selain itu, Syarikat juga memperkenalkan ekosistem digital pertamanya, [Edgenta NXT](#), membangunkan penyelesaian berdaya IoT untuk pemilik aset seperti SmartConnect dan menghasilkan penyelesaian teknologi yang tersedia pada masa ini termasuk Sistem Pengurusan Aset Jalan Raya (“RAMS”) untuk operasi penyelenggaraan lebuhraya.

Bagi unjuran tahun 2022, Syarikat kekal optimistik namun berwaspada dengan jangkaan pemulihan beransur-ansur ke arah persekitaran operasi COVID-19 yang lebih rancak.

“Kunci kejayaan kami terletak pada kebolehan dan kecekapan untuk kekal berdaya tahan. Syarikat akan meneruskan usaha dalam mengoptimumkan kos dan memberi tumpuan kepada kecemerlangan operasi serta menyampaikan projek-projek sedia ada. Kami kekal komited dalam melaksanakan strategi pertumbuhan EoTF 2025 kami dengan tumpuan yang kukuh pada produk dan penyelesaian baharu, pengembangan ke geografi baharu dan menjalin kerjasama serantau, serta pada masa yang sama memacu kemampuan dalam amalan operasi dan penawaran perniagaan kami,” katanya.

Sejak bermulanya pandemik, UEM Edgenta telah memanfaatkan kepakaran dan keupayaan dalam industri sokongan penjagaan kesihatan sebagai sebahagian daripada penyelesaian penjagaan kesihatan bersepadunya. Penyumbang prestasi utama Syarikat, bahagian *Healthcare Support Services* (“HSS”) mencatatkan peningkatan 19.4% dalam pendapatan daripada RM359.5 juta pada suku ketiga kepada RM429.2 juta pada suku keempat TK2021 dan keuntungan sebelum cukai

sebanyak RM28.8 juta berbanding RM28.1 juta pada suku sebelumnya. Bahagian ini juga mencatatkan pertumbuhan pendapatan positif sebanyak 16.2% daripada RM1.2 bilion pada TK2020 kepada RM1.4 bilion pada TK2021.

Syahrizam juga berkata bahawa strategi Syarikat dalam memacu penyelesaian pengurusan pandemik dan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan digital semakin berkembang dan menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan. Pada TK2022, bahagian HSS akan terus melaksanakan kontrak sedia ada, sambil mempelbagaikan penyelesaiannya melangkaui tawaran penjagaan kesihatan tradisional untuk menyokong usaha negara dalam membendung virus COVID-19 di samping memastikan semua hospital di bawah jagaan Syarikat beroperasi secara optimum.

UEM Edgenta menutup TK2021 dengan kukuh meskipun dalam persekitaran pemulihan pasaran. Syarikat akan terus menumpukan usahanya untuk memacu daya tahan jangka panjang dan kemampuan dengan berpaksikan pada *orderbook* yang sihat dan wawasan EoTF 2025. Syarikat kini aktif dalam membina asas yang kukuh di seluruh perniagaannya dan kekal teguh dalam meneruskan rancangan pertumbuhan Syarikat melalui pengembangan serantau, produk dan perkhidmatan baharu, pengoptimuman kos dan penyelesaian berasaskan teknologi.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025', perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.